

madah kita

A newsletter for Customers, Business Partners and Employees
Berita untuk Pelanggan, Rakan Perniagaan dan Pekerja

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. (485296-V)

January - June 2018



More schools Go Green with
Trienekens' 5R programme

'Green Synergy' promotes a culture of
environmental sustainability



Group CEO's Message

Warkah CEO Kumpulan

Mr. Stephen Chin

Salam Sejahtera!

Running a successful business today not only entails the delivery of goods and services through profitable management but also requires an innate sense of responsibility towards the societies in which a company operates. At Trienekens, we endeavour to bring real benefits through our business and services and are constantly looking into ways where we can contribute towards the local community through our corporate social responsibility (CSR) programmes. As well as to meet the expectations of our stakeholders, we aspire to attain real achievements in protecting the environment, ensure the wellbeing of our employees and sustainably develop our society.

In this issue of Madah Kita, you will find that our recent CSR efforts have focused on community development, education, as well as employee engagement. These initiatives represent our long-term commitment to the community and in moving forward, we hope to further contribute towards the evolution of Sarawak as a 'green' State through the advancement of innovation, education, public awareness and community development.

It is always an honour to be appreciated for our efforts, so it was with great pride that we recently received a Sarawak Asset, Outstanding Vendor Award from Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). I am confident that winning this award will encourage us to strive to deliver even higher standards of waste management services to our customers.

Since joining the Trienekens Group in January, I've spent some time getting to know the team and I must say I am feeling positive and optimistic about the direction we are heading in. To that end, let us continue to work together to promote a culture of environmental sustainability that not only cascades throughout our organisation, but expands beyond our facilities to our ecosystem, families, and network of business partners, customers, and community.

Thank you.

Salam Sejahtera!

Mengurus sebuah bisnes yang berjaya hari ini bukan sahaja setakat menyediakan barang dan perkhidmatan melalui pengurusan yang menguntungkan tetapi ia juga memerlukan rasa tanggungjawab semula jadi ke atas masyarakat di tempat sesebuah syarikat itu beroperasi. Di Trienekens, kami berusaha untuk menyumbang faedah sebenar melalui perniagaan dan perkhidmatan kami, dan sentiasa mencari cara bagaimana kita boleh menyumbang kepada komuniti setempat melalui program-program CSR kita. Selain menebat jangkaan pihak berkepentingan, kami juga berhasrat untuk mencapai kejayaan bermakna dalam usaha melindungi alam sekitar, menjaga kebajikan para pekerja dan membangun masyarakat kita secara lestari.

Didalam isu Madah Kita kali ini, anda akan melihat bahawa usaha-usaha CSR kami tertumpu kepada pembangunan komuniti, pendidikan dan penglibatan para pekerja. Semua inisiatif ini menggambarkan komitmen jangka panjang kami kepada komuniti dan dalam kita maju ke hadapan, kami berharap akan dapat menyumbang kepada evolusi Sarawak menjadi sebuah negeri 'hijau' dengan kaedah memajukan innovasi, pendidikan, kesedaran awam dan pembangunan komuniti.

Sememangnya ia sentiasa menjadi satu penghormatan apabila usaha-usaha kita dihargai, maka kami amat berbangga bila Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) baru-baru ini telah menyerahkan Anugerah Pembekal Cemerlang, Aset Sarawak kepada syarikat kita. Saya yakin dengan anugerah ini, kita akan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan pengurusan sisa yang lebih berkualiti tinggi kepada para pelanggan kita.

Semenjak menyertai Kumpulan Trienekens pada Januari lepas, saya telah meluangkan masa mengenali pasukan kita dan saya berasa amat positif dan optimistik tentang arah tuju kita. Oleh itu, marilah kita terus sama-sama berusaha untuk mempromosi budaya alam sekitar lestari yang bukan sahaja diamalkan di seluruh organisasi kita, tetapi ia juga menjangkau keluar dari tapak-tapak kemudahan kita ke sistem eko, keluarga, dan rangkaian rakan-rakan perniagaan, pelanggan, dan komuniti.

Terima kasih.

CONTENTS / KANDUNGAN

Madah Kita	
Editorial Team	
Advisor / Penasihat:	
Katherine Kong	
Concept & Editorial /	
Konsep & Karangan:	
Julan Yu Abit	
Janet J. Balong	
Contributors /	
Penyumbang:	
Anthea Lee	
Clare Kho	
Dayang Sherrynazra	
Harris Michael Deho	
Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat	
• Trienekens Honoured With Awards	02
<i>Trienekens Dihargai Dengan Anugerah</i>	
• Collaborating For Sustainability	03
<i>Kerjasama Ke Arah Kelestarian</i>	
HSE	
• Quality Control With Audits	06
<i>Mengawal Kualiti Melalui Audit</i>	
• New HSE Committee Inducted	08
<i>Pelantikan Baru Komiti HSE</i>	
Human Resources / Sumber Manusia	
• Accelerating Innovation Through Training	09
<i>Mempercepat Inovasi Melalui Latihan</i>	
• Employees Of The Year 2017	12
<i>Pekerja-pekerja Terbaik 2017</i>	
Special Feature / Rencana Khas	
• “Green Synergy” Continues To Chart Positive Results	13
<i>“Sinergi Hijau” Terus Catat Keputusan Positif</i>	
• Involving And Supporting The Community	14
<i>Melibatkan dan Menyokong Komuniti</i>	
• Transformative Environmental Education	17
<i>Pendidikan Alam Sekitar Merubah</i>	
Our People / Rakan Sekerja Kita	
• New Team Members / Tenaga Kerja Baru	19
• Promotions / Kenaikan Pangkat	20
Spot The Difference / Carikan Perbezaan	21



Trienekens Honoured With Awards Trienekens Dihargai Dengan Anugerah

Being customer-focused and excelling in service delivery is a significant performance differentiator in today's increasingly challenging business landscape. In recognition of the company's collectively efforts in consistently delivering quality service, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, the operating company of Sarawak's Integrated Waste Management System, was recently the proud recipient of several industry awards.

Mengutamakan pelanggan dan penyerahan perkhidmatan yang cemerlang adalah penentu prestasi yang penting dalam lanskap perniagaan yang kian mencabar hari ini. Sebagai tanda pengiktirafan di atas perkhidmatan berkualitinya yang berterusan, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, syarikat operasi Sistem Pengurusan Sisa Bersepadu Sarawak, baru-baru ini telah menerima beberapa anugerah industri.

Trienekens Laboratory Recognised For Excellence Makmal Trienekens Diiktiraf Cemerlang



Trienekens' Senior Chemist, Nur Ainiza bt Zakaria (left) receives the award from Datuk Haji Ismail bin Talib, the Director General of the Department of Chemistry Malaysia while the Award's committee member for Laboratory & Quality Assurance, Chang Hon Fong, looks on.
Ahli Kimia Kanan Trienekens, Nur Ainiza bt Zakaria (kiri) menerima anugerah daripada Datuk Haji Ismail bin Talib, Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia sambil disaksikan oleh ahli jawatankuasa Makmal & Jaminan Kualiti Anugerah, Chang Hon Fong.

For achieving excellence in providing quality and competent laboratory testing services pertaining to local legislations, especially in the fields of health, safety and the environment; Trienekens' in-house laboratory was recently awarded with the 2017 Laboratory Excellence Award from the Malaysian Institute of Chemistry.

The Institute, also known as Institut Kimia Malaysia (IKM) is a professional body that regulates the Chemists Act in Malaysia and is responsible for certifying the competency and integrity of its members. The award ceremony was held at the Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur in December 2017.

Berikutnya pencapaian cemerlang dalam penyediaan perkhidmatan makmal berkualiti dan ujian makmal cekap yang berkaitan dengan undang-undang tempatan, terutama sekali dalam bidang kesihatan, keselamatan dan alam sekitar; makmal Trienekens baru-baru ini telah dianugerahkan Anugerah Makmal Cemerlang daripada Institut Kimia Malaysia.

IKM adalah sebuah badan profesional yang mengawal Akta Ahli Kimia di Malaysia dan bertanggungjawab untuk mengesahkan kecekapan dan integriti ahli-ahlinya. Majlis penganugerahan ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur pada Disember 2017.

Trienekens Wins PETRONAS Outstanding Vendor Award Trienekens Menangi Anugerah Pembekal Cemerlang PETRONAS



EXEMPLARY PERFORMANCE... Trienekens' Group Deputy CEO, Elvin Wee (left) with PCSB Head of Sarawak Oil, Anuar Ismail (centre), and Trienekens' Bintulu Branch Division Manager, Patricia Susie Nyisong.

CEMERLANG... Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (kiri) bersama Ketua Minyak Sarawak PCSB, Anuar Ismail (tengah) dan Pengurus Bahagian (Trienekens Cawangan Bintulu), Patricia Susie Nyisong.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd was recently accorded the Sarawak Asset, Outstanding Vendor Award (Excellent Performance category) from Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) in recognition of their exceptional performance in 2017. The accolades are accorded by PETRONAS to honour its contractors for their exemplary service delivery and outstanding performance in Health, Safety and Environment (HSE), reliability, responsiveness and respectability.

Trienekens was among the 13 local oil and gas service providers who received their award from PCSB Head of Sarawak Oil, Anuar Ismail during the PCSB Sarawak Operations Business Partner Collaboration Day 2018 in Bintulu on 25 April.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd baru-baru ini telah menerima Anugerah Pembekal Cemerlang (kategori Prestasi Cemerlang), Aset Sarawak dari Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) di atas prestasi luar biasanya pada tahun 2017. Penganugerahan tersebut telah diberikan oleh PETRONAS kepada kontraktor-kontraktor yang telah memberikan perkhidmatan dan prestasi cemerlang di dalam aspek Kesihatan, Keselamaan dan Alam Sekitar (HSE) termasuk kepercayaan, tindakbalas dan dihormati.

Trienekens merupakan salah satu daripada 13 pembekal perkhidmatan minyak dan gas yang menerima anugerah daripada Ketua Minyak Sarawak, PCSB Anuar Ismail semasa sambutan Hari Kolaborasi Rakan Niaga Operasi PCSB Sarawak pada 25 April di Bintulu.

Collaborating For Sustainability Kerjasama Ke Arah Kelestarian

Trienekens actively works together with public authorities and clients, as well as fellow industry and trade members in supporting the development of environmental education, green technology and improved waste management systems and services. The company recently worked together with several different associates in joint efforts involving experience and information-sharing initiatives.

Trienekens bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan pelanggan, termasuk rakan-rakan seindustri dan perniagaan untuk membangunkan secara aktif bidang-bidang seperti pendidikan alam sekitar, teknologi hijau dan usaha-usaha pembaikan sistem serta perkhidmatan berkaitan pengurusan sisa. Baru-baru ini syarikat telah bekerjasama dengan beberapa rakan yang berbeza dalam inisiatif-inisiatif perkongisan pengalaman dan maklumat.

State Department Of Environment Visits KIWMP / Jabatan Alam Sekitar Sarawak Lawat KIWMP



Trienekens recently hosted representatives from the Department of Environment (DOE) Sarawak to a meeting and site visit at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) in Mambong. State DOE Director, Mohd Hidzir bin Bakar (centre) is pictured here flanked by Trienekens' Group CEO, Stephen Chin (left) and Deputy Group CEO, Elvin Wee (right) along with attending DOE Sarawak Deputy Directors, Officers and Trienekens staff.

Trienekens telah menyambut kedatangan wakil-wakil Jabatan Alam Sekitar yang menghadiri mesyuarat dan lawatan teknikal tapak di KIWMP, Mambong. Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri, Mohd Hidzir bin Bakar (tengah) diapit Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (kiri) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Elvin Wee (kanan) bersama para Timbalan Pengarah dan Pegawai JAS Sarawak serta kakitangan Trienekens yang hadir bersama.



Mohd Hidzir bin Bakar (3rd left) receives a memento from Trienekens Group CEO, Stephen Chin.

Mohd Hidzir bin Bakar (ke-3 kiri) menerima cenderahati dari Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin.

Environmental Preservation Seminar Promotes Sustainable Development Seminar Pemeliharaan Alam Sekitar Galak Pembangunan Lestari

The Malaysian Institute of Chemistry (IKM) Sarawak, in collaboration with the Natural Resources and Environment Board (NREB) recently organised a two-day seminar entitled “Environmental Conservation for Sustainability”. Bringing together key stakeholders to share their experiences and efforts in environmental conservation to promote sustainable development in Sarawak, the seminar covered topics on environmental policies, sustainable development and waste management in various industries.

Institut Kimia Malaysia Cawangan Sarawak dengan kerjasama Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak baru-baru ini telah menganjurkan seminar dua hari bertajuk “Pemeliharaan Alam Sekitar untuk Kelestarian”. Dihadiri oleh anggota-anggota berkepentingan yang berkongsi pengalaman dan usaha-usaha pemeliharaan serta pembangunan kelestarian di Sarawak, seminar tersebut menyentuh beberapa topik seperti polisi-polisi alam sekitar, pembangunan lestari dan pengurusan sisa dalam pelbagai industri.



Representing the company as an invited speaker at the seminar, Trienekens' HSE Senior Manager, Harris Michael (pictured here) shared a presentation entitled “Comprehensive Waste Management Strategy: Optimisation of Solid Waste Disposal at a Modern Sanitary Landfill” with an audience of more than 200 delegates.

Mewakili syarikat sebagai penceramah seminar, Pengurus Kanan HSE Trienekens, Harris Michael (gambar) membentangkan kertas bertajuk “Strategi Pengurusan Sisa Komprehensif: Mengoptima Pelupusan Sisa di Tapak Pelupusan Sanitari Moden” di hadapan 200 orang hadirin.

Close To 400 Attend “Guided Self-Regulation” Seminar Hampir 400 Hadiri Seminar “Panduan Pengaturan Diri”



Close to 400 people comprising industry players, project movers, stakeholders and environmental consultants in Sarawak attended a ‘Guided Self-Regulation’ (GSR) seminar in Kuching in December 2017. Organised by the Department of Environment, the objective of the seminar was to discuss and guide the industry towards a new culture – Guided Self Regulation (GSR) – introduced by the Department. Officiated by DOE Director General, Dato’ Dr Ahmad Kamarulnajuib Che Ibrahim, the seminar also featured a presentation by Trienekens, where the company’s HSE Senior Manager, Harris Michael shared the company’s success story on its GSR implementation.

Hampir 400 peserta dari anggota industri, penggerak projek, ahli berkepentingan dan perunding-perunding alam sekitar di Sarawak menghadiri seminar “Panduan Pengaturan Diri” (GSR) di Kuching pada Disember 2017. Dianjur oleh Jabatan Alam Sekitar, objektif seminar adalah membincang dan membimbing industri ke arah budaya baru – Panduan Pengaturan Diri (GSR) – yang diperkenalkan oleh Jabatan tersebut. Dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAS Dr. Ahmad Kamarulnajuib Che Ibrahim, seminar tersebut juga melibatkan satu pembentangan oleh Trienekens, di mana Pengurus Kanan HSE syarikat, Harris Michael telah berkongsi tentang kejayaan pelaksanaan GSR di dalam syarikat.


Towards Digital Sarawak / Ke Arah Sarawak Digital

In line with the Digital Sarawak Smart City initiatives, Trienekens recently met with representatives from Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)’s Faculty of Computer Science and Information Technology to discuss potential collaborations between the two organisations. The meeting was led by Dr Sze San Nah (front row, second right), of UNIMAS’s Faculty of Computer Science and Information Technology. She was met by Trienekens’ Group Deputy CEO, Elvin Wee (2nd left) and Chief Operating Officer, Alice Lee (front row, centre).

Selaras dengan inisiatif Bandaraya Pintar Digital Sarawak, Trienekens telah bertemu dengan wakil-wakil Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk membincangkan potensi kolaborasi di antara kedua-dua organisasi. Perbincangan diketuai oleh Dr. Sze San Nah (baris hadapan, kedua kanan) dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Beliau disambut oleh Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (ke-2 kiri) dan Ketua Pegawai Operasi, Alice Lee (baris hadapan, tengah).



IFAT 2018



Trienekens’ Group Chief Executive Officer, Stephen Chin (right) and Bintulu Branch Division Manager, Patricia Susie Nyisong (centre) were recently in Munich, Germany to attend “IFAT 2018”. Known as the world’s leading trade fair for water, sewage, waste and raw materials management; this year’s five-day trade fair revolved around filtering of microplastics, more effective recycling of plastics and the digital transformation of the entire industry. The trip also saw Stephen and Patricia touching base with Trienekens Germany. They are seen here with Oskar Schulze , Senior Engineer of Trienekens Germany, T&L GmbH.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (kanan) dan Pengurus Bahagian Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong (tengah) menghadiri “IFAT 2018” di Munich, Germany baru-baru ini. Terkenal sebagai satu pesta perdagangan pengurusan air, kumbahan, sisa dan bahan-bahan mentah terkemuka di dunia; pesta lima hari tahun ini berkisar tentang penapisan mikroplastik, kitar semula plastik yang lebih efektif dan transformasi digital untuk keseluruhan industri.

Stephen dan Patricia juga melawat Trienekens Germany. Mereka bergambar bersama Oskar Schulze, Jurutera Kanan Trienekens Germany.

Quality Control With Audits

Mengawal Kualiti Melalui Audit

Understanding that having an effective audit system is vital for a business' credibility, Trienekens' management structure is supported by a stringent quality audit system. Moreover, the company also observes audits by regulatory bodies and customers according to their varying procedures as ultimately, the company views audits as a tool to improve work practices, assure customer satisfaction and drive project effectiveness.

Memahami pentingnya keberkesanannya sistem audit dalam menentukan kredibiliti sesuatu perniagaan, struktur pengurusan Trienekens didukung oleh sistem audit kualiti yang ketat. Tambahan pula, syarikat juga mematuhi audit oleh badan-badan perundangan dan pelanggan yang terdiri daripada pelbagai prosedur. Apa yang penting, syarikat melihat audit sebagai satu alat untuk memperbaiki amalan kerja, memastikan kepuasan pelanggan dan memacu keberkesanannya.



The Atomic Energy Licensing Board (AELB) recently carried out a license inspection at Trienekens' Headquarters in Kuching. The inspection covered the scope of compliances towards radiation-related regulations and the company's Radiation Protection Programme. AELB personnel Husni Najib bin Mat Latif (2nd left) and Mohd Shaiful Nizam bin Halim (extreme right) are seen here with Trienekens' Senior Manager of HSE, Harris Michael (2nd right) and HSE Senior Executive, Muhd Naufal bin Nahari.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) baru-baru ini telah menjalankan pemeriksaan lesen di Ibu Pejabat Trienekens di Kuching. Pemeriksaan tersebut meliputi skop pematuhan undang-undang berkaitan radiasi dan Program Pelindungan Radiasi syarikat. Kakitangan AELB Husni Najib bin Mat Latif (ke-2 kiri) dan Mohd Shaiful Nizam bin Halim (hujung kanan) bergambar bersama Pengurus Kanan HSE Trienekens, Harris Michael (ke-2 kanan) dan Eksekutif Kanan HSE, Muhd Naufal bin Nahari.

A facility review was conducted in April 2018 by CHWMEG, INC. on behalf of Shell as part of Shell's Global HSE requirements. The audit covered facility operations and designs related to regulatory compliance. AECOM EHS Technical Director, Rajesh Jackson (centre) led the audit session.

CHWMEG, INC. mewakili Shell telah menjalankan satu penilaian tapak kemudahan pada April 2018 sebagai sebahagian daripada keperluan HSE Global Shell. Audit tersebut meliputi operasi dan rekaan tapak kemudahan yang berkaitan dengan pematuhan undang-undang. Audit diketuai oleh Pengarah Teknikal AECOM EHS, Rajesh Jackson (tengah).





Trienekens recently welcomed a group from the National Institute for Occupational Safety and Health (NIOSH) at its headquarters for a discussion regarding the institute's current research on exposure and control of industrial health hazards. Trienekens' Senior Manager of HSE, Harris Michael (3rd right) and Division Manager for Logistics Maintenance, Behui Longe (2nd right) are seen here with the visiting NIOSH personnel.

Trienekens telah menyambut serombongan pegawai dari Institut Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan Kebangsaan (NIOSH) di ibu pejabatnya dan mengadakan perbincangan tentang kajian terkini piyah Institut berkenaan pendedahan dan kawalan bahaya kesihatan industri. Kelihatan di gambar adalah Pengurus Kanan HSE Trienekens, Harris Michael (ke-3 kanan) dan Pengurus Bahagian Penyelenggaraan Logistik, Behui Longe (ke-2 kanan) bersama para pegawai NIOSH.

Trienekens' HSE Senior Executive, Muhd Naufal bin Nahari (extreme right) joined officers from Shell in a site inspection at Shin Yang Jetty, Miri. The inspection covered safe lifting operations for POD tank transportation, as well as the inspection of POD tank conditions arriving from Labuan.

Eksekutif Kanan HSE Trienekens, Muhd Naufal bin Nahari (hujung kanan) bersama para pegawai Shell membuat pemeriksaan tapak di Jeti Shin Yang, Miri. Pemeriksaan tersebut meliputi operasi mengangkat selamat untuk pengangkutan tangki POD yang tiba dari Labuan.



In ensuring the company's HSE practices are in-line with the regulations of the Occupational Safety and Health Act 1994, the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) recently administered a verification audit and inspection covering the scope of compliances towards OSH regulations and the implementation of Trienekens' HSE-Management System. The audit was conducted by DOSH Officers Shamsudin bin Abdul Aziz and Mohd Fadzly Hisham bin Che Mat.

Bagi memastikan amalan-amalan HSE syarikat bertepatan dengan undang-undang Akta Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan 1994, Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (DOSH) telah menjalankan audit pengesahan dan pemeriksaan yang melibatkan pematuhan undang-undang OSH dan pelaksanaan Sistem Pengurusan HSE Trienekens. Audit telah dikendalikan oleh Pegawai DOSH Shamsudin bin Abdul Aziz dan Mohd Fadzly Hisham bin Che Mat.

New HSE Committee Inducted

Pelantikan Baru Komiti HSE



The 2017/2018 HSE Committee (HSEC) for Kuching Logistics with HSE Senior Manager, Harris Michael (seated, 3rd left).

Komiti HSE(HSEC) 2017/2018 Logistik Kuching bersama Pengurus Kanan HSE, Harris Michael (duduk, ke-3 kiri)

Having a Safety and Health Committee (SHC) is a requirement under the Malaysian law (Occupational Safety and Health Act 1994) for workplaces with more than 40 workers. The purpose of such a committee is to provide a forum for management and workers to identify and resolve health and safety problems together, as well as to develop and monitor safety systems and procedures. In Trienekens, this committee is referred to as the Health, Safety and Environment Committee (HSEC).

The HSEC is chaired by an authorised Head of Division with a registered Safety and Health Officer (SHO) acting as the Secretary to the HSEC. Committee members consist of both Management and Staff representatives from various departments. The selection of committee members is based on Regulation 7 of the Occupational Safety and Health (Safety and Health Committee) Regulation; that is – new members are nominated by the out-going members, or are appointed by Management.

The HSEC meets at least once every Quarter to discuss and review all occupational safety and health (OSH) programmes and its implementation. In the event of any incidents resulting in loss of life or serious injury, a meeting is called immediately. The HSEC only discusses matters related to workplace safety and health.

Besides playing an active role in promoting OSH at the workplace, the HSEC also assists in the development of OSH rules and operational safety system. The committee also reviews the effectiveness of OSH programmes, conducts joint safety inspections with HSE personnel, and produces inspection reports on any findings.

Pelantikan Komiti Keselamatan dan Kesihatan (SHC) merupakan satu keperluan di bawah undang-undang Malaysia (Akta Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan 1994) untuk tempat-tempat kerja yang mempunyai lebih daripada 40 orang pekerja. Tujuan komiti tersebut adalah untuk menyediakan forum bagi pengurusan dan pekerja bagi sama-sama mengenalpasti dan menyelesaikan masalah-masalah kesihatan dan keselamatan, dan juga membangun dan memantau sistem-sistem serta prosedur-prosedur keselamatan. Di Trienekens, komiti tersebut dikenali sebagai Komiti Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSEC).

HSEC dipengerusikan oleh Ketua Bahagian yang diberi kuasa dan Pengawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) berdaftar sebagai Setiausaha kepada HSEC. Ahli-ahli komiti terdiri dari pihak Pengurusan dan wakil-wakil Staf dari pelbagai Jabatan. Pemilihan ahli-ahli Komiti adalah berdasarkan Peraturan 7 di dalam Undang-undang Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan); di mana – ahli-ahli baru dicalonkan oleh anggota-anggota yang keluar, atau dilantik oleh Pengurusan.

HSEC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat bulan sekali untuk membincang dan menilai semua program-program keselamatan pekerjaan dan kesihatan dan pelaksanaanya. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang melibatkan maut atau kecederaan serius, mesyuarat akan diadakan dengan segera. HSEC hanya membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Selain memainkan peranan aktif mempromosi OSH di tempat kerja, HSEC juga membantu membentuk peraturan-peraturan OSH dan sistem keselamatan operasi. Komiti juga mengkaji semula keberkesanan program-program OSH, menjalankan pemeriksaan keselamatan dengan kakitangan HSE, dan menyediakan laporan tentang sebarang penemuan.



KIWMP's 2017/2018 HSE Committee (HSEC) is chaired by General Manager of Treatment & Disposal, Simon Chow (seated, centre).

Komiti HSE 2017/2018 KIWMP dipengerusikan oleh Pengurus Besar Rawatan & Pelupusan, Simon Chow (duduk, tengah).

Accelerating Innovation Through Training

Mempercepat Inovasi Melalui Latihan

Continuous improvement in all business aspects is essential for meeting the challenge of today's turbulent environment. With the level of change going on inside and outside every organisation, it is imperative that companies be able to adapt with the times. Learners' needs are changing, technology is evolving, skills are different, automation is altering processes, and globalisation is expanding our reach. In its efforts to enable continuous improvement and support corporate goals of innovative performance, the Group Human Resources Division recently organised a series of training programmes for the company's staff.

Penambahbaikan berterusan di dalam semua aspek bisnes adalah penting dalam menyahut cabaran persekitaran yang sentiasa bergolak hari ini. Dengan perubahan yang kerap berlaku di dalam dan luar sesebuah organisasi, adalah mustahak bagi syarikat-syarikat untuk berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan semasa. Keperluan pelajar kian berubah, teknologi berkembang, kemahiran berbeza, automasi mengubah proses, dan globalisasi kian meluaskan lagi pencapaian kita. Dalam usahanya untuk mewujudkan penambahbaikan berterusan dan menyokong matlamat korporat mencapai prestasi berinovatif, Bahagian Sumber Manusia Kumpulan telah mengadakan beberapa siri program latihan untuk para kakitangan syarikat.

Conflict Management Skills Workshop Bengkel Kemahiran Mengurus Konflik



SMT Learning Solutions PLT trainer, Luke Bong recently conducted a workshop called "Conflict Management Skills" for more than 30 Trienekens staff over two separate sessions. Ultimately, the programme aimed to provide participants with the ability to apply the principles of Neuro-Linguistic Programming (NLP) when communicating with different people in conflict situations; besides negotiating skilfully and persuading others assertively. A certified professional trainer by the International Professional managers Association (IPMA), UK; Luke is pictured here (seated, centre) with the first group of participants.

Pelatih dari SMT Learning Solutions, Luke Bong, baru-baru ini telah mengendalikan satu bengkel bertajuk "Kemahiran Mengurus Konflik" yang dihadiri oleh lebih 30 orang kakitangan Trienekens dalam dua sesi yang berasingan. Program tersebut bertujuan melengkapkan para peserta dengan kebolehan mengaplikasikan prinsip-prinsip Neuri-Linguistic Programming (NLP) bila berkomunikasi dengan individu-individu yang berbeza di dalam situasi konflik; selain itu mahir berunding dan memujuk orang lain dengan tegas. Seorang pelatih profesional yang ditauliahkan oleh Persatuan Pengurus Profesional Antarabangsa (IPMA), UK; Luke bergambar bersama kumpulan peserta yang pertama.

Strategic Approach To Risk-Based Thinking Pendekatan Strategik Menangani Pemikiran Berasaskan Risiko



The company's internal auditors recently attended a full day course entitled "ISO 9001:2015 - Strategic Approach To Risk-Based Thinking" by Neville-Clarke M Sdn Bhd. Designed to provide delegates with the knowledge and understanding of the company's organisational context in planning and implementing a Quality Management System (QMS); the training course also focused on applying risk-based thinking in the QMS and structured methods developing an effective QMS relevant to the organisation's context, among others.

